

Britain mesti faham DEB

— Datuk Najib

PEKAN, Ahad — Malaysia tidak menolak hubungan perdagangan dengan Britain atau memulaukan barangan keluaran negeri itu, tetapi mahu negara itu memahami Dasar Ekonomi Baru yang kita laksanakan, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak hari ini.

"Mereka harus mencerminkan sikap bekerjasama dengan kita kerana mereka telah lama mengadakan hubungan dagang dengan Malaysia dan faham dasar kita," kata Datuk Najib yang melakukan lawatan dua hari ke sini.

"Malaysia bagaimanapun masih mempunyai pilihan dan

akan membeli barang-barang yang tidak dapat dielakkan sahaja," katanya mengulas pembatalan kunjungan rombongan dagang Britain ke negara ini baru-baru ini.

Datuk Najib yang juga Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia berkata, walaupun Britain kurang bertolak ansur dengan kita, diharap mereka sedar kehendak negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

"Mereka perlu memikirkan sama kehendak kita dalam kerjasama sebagai salah sebuah negara dalam Komanwel," tegas Datuk Najib.

Beliau menyesali

sikap Britain menaikkan kadar bayaran yuran pengajian tinggi di negaranya kepada penuntut-penuntut luar.

Bagaimanapun, Malaysia masih mampu menghantar pelajar-pelajarnya melanjutkan pelajaran mereka ke negara lain dengan yuran yang rendah.

Katanya, dalam DEB, usaha-usaha untuk mengseimbangkan jurang ekonomi antara kaum di negara ini sedang giat dijalankan.

"Proses ini menghendaki kerjasama negara-negara maju bagi memberi peluang kepada kita menstabilkan ekonomi terlebih dahulu," ujarnya.